

THINKING WITH TECHNOLOGY

Oleh: Crispina Gregory K Han

Kursus ini diadakan di Hotel Courtyard, 1Borneo pada 13 Disember 2010 hingga 16 Disember 2010 (4 hari). Seramai 10 orang pensyarah terlibat daripada 4 buah sekolah (SPPS, PPIB, SSMP dan SPKS). Jurulatih kursus Dr. Tan Soon Yin daripada Institut Perguruan Tuanku Bainun, Pulau Pinang. Beliau mewakili Intel Company untuk merealisasikan kursus *Thinking With Technology*. Objektif kursus ini adalah untuk mempelajari tiga alat dalam bentuk atas talian iaitu *Visual Ranking Tool*, *Seeing Reason Tool* dan *Showing Evidence Tool*. Kebanyakan peserta kursus mendapati penggunaan alat seperti ini sangat bermanfaat dan boleh digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran kursus. Ini merupakan satu bentuk kepelbagaiannya dalam aktiviti dan juga alat bantu mengajar.

Pengajaran dan pembelajaran secara *e-learning* yang terdapat dalam website *SmartUMS* mungkin boleh digabungjalinkan dengan alat teknologi seperti ini. Justeru, fungsinya dapat dimantapkan lagi. Sepanjang kursus ini, peserta diwajibkan menyediakan rancangan unit untuk projek masing-masing untuk dibentang pada hari terakhir kursus. Ini merupakan bukti produk kursus untuk dihantar terus ke pihak Intel. Selain itu, penilaian untuk setiap alat teknologi ini dan juga keseluruhan kursus dibuat secara atas talian. Ringkasnya, keseluruhan perjalanan kursus ini bergantung sepenuhnya kepada kelajuan dan kekuatan pautan internet. Adalah diharapkan kursus seperti ini dapat diadakan lagi di kemudian hari.

